

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

**PERNIAGAAN
TUGASAN PROJEK**

**Kertas 3
2021**

3766/3

-
-
-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas projek.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas projek tersebut secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan tugas projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Tugas projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon **SPM** dari bulan **April** hingga bulan **Jun 2021**.*
 5. *Calon dikehendaki menyediakan Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihati membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan Tugasan Projek dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas Tugasan Projek ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

TUGASAN PROJEK

1. Anda bercadang membuka sebuah perniagaan berbentuk milikan tunggal atau perkongsian. Berikut adalah jenis perniagaan perkhidmatan yang boleh anda pilih.

- 1.1 Penghantaran Barang (kurier)
- 1.2 Membersih dan Mencuci (Cleaning Service)
- 1.3 Urutan Refleksologi

Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Perniagaan yang lengkap bagi satu jenis perniagaan yang dipilih. Rancangan Perniagaan ini akan dikemukakan kepada mana-mana institusi kewangan atau badan kerajaan untuk mendapatkan pembiayaan.

2. Penubuhan perniagaan ini mestilah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan pihak berkuasa berkaitan.
3. Modal perniagaan
 - 3.1 Jumlah modal adalah antara RM40 000 hingga RM200 000.
 - 3.2 Sumber pembiayaan diperoleh daripada

Sumber Pinjaman Dalaman	Sumber Pinjaman Luaran
<ul style="list-style-type: none"> • Simpanan sendiri • Pinjaman daripada ahli keluarga / rakan • 10 % - 20 % daripada jumlah modal 	<p>Pinjaman bank</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana bank dengan syarat <ol style="list-style-type: none"> (i) jumlah pinjaman antara RM10 000 hingga RM200 000 (ii) kadar faedah / caj perkhidmatan yang dikenakan adalah antara 4 % - 8 % (iii) tempoh bayaran balik adalah antara 60 bulan - 120 bulan
	<p>Pinjaman kerajaan</p> <p>TEKUN Nasional</p>

4. Tenaga pekerja
- 4.1 Pekerja adalah Warganegara Malaysia.
 - 4.2 Pekerja terdiri daripada ahli keluarga, rakan atau masyarakat setempat.
 - 4.3 Bilangan pekerja dan gaji minimum bagi seorang pekerja adalah seperti berikut:

Pekerja	Bilangan Pekerja (Orang / Minimum)		Gaji Minimum (RM)
	Milikan Tunggal	Perkongsian	
Pengurusan	1	2	2 500
Staf Sokongan	2	2	1 500
Operasi	3	5	1 200

- 4.4 Pekerja adalah tertakluk kepada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Kesatuan Sosial (PERKESO).
 - 4.5 Struktur organisasi perniagaan mestilah berdasarkan bahagian fungsian.
5. Utiliti perniagaan
- 5.1 Anda telah mengenal pasti lokasi perniagaan dan perlu menyewa premis.
 - 5.2 Uniform pekerja disediakan.
 - 5.3 Bayaran lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bergantung kepada kawasan perniagaan.
 - 5.4 Pembelian kenderaan secara sewa beli untuk tempoh lima hingga tujuh tahun bagi perniagaan berkaitan dengan kadar faedah 3% setahun dan 10% bayaran pendahuluan.
 - 5.5 Pembelian perabot dan alatan pejabat secara sewa beli untuk tempoh dua hingga tiga tahun dan dikenakan kadar faedah tertentu.
 - 5.6 Setiap aset bukan semasa perlu disusutnilaikan atas harga kos pada kadar 5% setahun.
 - 5.7 Premis perniagaan perlu diubahsuai.
 - 5.8 Utiliti dan kos-kos lain mengikut kesesuaian perniagaan.
 - 5.9 Sekiranya perniagaan adalah perkongsian, Surat Ikatan Perjanjian perlu disediakan dengan lengkap dan jelas serta perlu dilampirkan bersama Latar Belakang Perniagaan.
6. Trend persekitaran semasa dalam perniagaan
- 6.1 Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan para belia menyertai bidang perniagaan dan keusahawanan.
 - 6.2 Program Latihan Pembangunan Usahawan
 - 6.2.1 Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (Agensi di bawah Kementerian Telekomunikasi & Multimedia).
 - 6.2.2 Program Insken Business Coaching (IBC) & Business Enhancement (BEP) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
 - 6.2.3 Pembiayaan TEKUN (Program Pembiayaan Tekun Mobilepreneur 3.0).
 - 6.2.4 Pembiayaan TEKUN melalui Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS).

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

7. Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai format berikut:
 - 7.1 Ringkasan Eksekutif
 - 7.2 Pengenalan
 - 7.3 Latar Belakang
 - (i) Perniagaan
 - (ii) Pemilik / Rakan Kongsi
 - 7.4 Rancangan Pentadbiran / Organisasi
 - 7.5 Rancangan Operasi
 - 7.6 Rancangan Pemasaran
 - 7.7 Rancangan Kewangan
 - 7.8 Penutup
 - 7.9 Lampiran (dokumen sokongan)
8. Anda mestilah mempersempahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.
9. Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.
10. Penyediaan Rancangan Perniagaan ini hendaklah dibuat dengan menggunakan perisian yang sesuai dan dicetak dengan mematuhi perkara berikut:
 - 10.1 Fon : *Arial / Times New Roman*
 - 10.2 Saiz fon : 11 pt. / 12 pt.
 - 10.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian
 - 10.4 Saiz kertas : A4
11. Rancangan Perniagaan yang lengkap bersama draf mesti dikemukakan oleh calon secara individu sebagai evidens proses kerja.
12. Semua bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas.
13. Penggunaan kertas warna dibenarkan.
14. Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercincir.

TUGASAN TAMAT